

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN PUSAT LATIHAN JAKOA
PAYA BUNGOR

PADA:

9 SEPTEMBER 2025 (SELASA)
10.00 PAGI

LOKASI:

PUSAT LATIHAN JAKOA PAYA BUNGOR, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

<u>Ucapan Alu-aluan</u>

1. **Mengadap**
   Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun,

2. Patik memulakan kalam dengan mengangkat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT. Dengan izin limpah rahmat dan inayah-Nya jua, patik serta sekalian hadirin berdatang sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, berangkat bercemar duli menyempurnakan **Majlis Perasmian Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor** atau PLPB pada pagi yang penuh berkat ini.

3. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku ke majlis ini amat bermakna serta melambangkan kecaknaan dan kasih sayang seorang Raja berjiwa rakyat yang sentiasa menjadi payung naungan seluruh rakyat jelata.

Ampun Tuanku,

4. Pada kesempatan ini juga, patik memohon limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, untuk patik turut mengalu-alukan kehadiran dif-dif kehormat dan para hadirin yang dimuliakan sekalian.

Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor – Dari Warisan Ilmu ke Harapan Baharu

Ampun Tuanku,

5. Pada pagi yang penuh bermakna ini, patik memulakan bicara dengan menzahirkan tekad bahawa **Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)** serta agensi-agensi berkaitan, akan terus berdiri teguh di sisi masyarakat luar bandar, khususnya komuniti Orang Asli yang sentiasa dekat di hati patik sekalian.

6. Lebih-lebih lagi, Negeri Pahang merupakan tanah bertuah yang menempatkan seramai **84,071 Orang Asli**, jumlah tertinggi di Malaysia. Justeru, kehadiran Pusat Latihan ini bukan sekadar sebuah bangunan, tetapi sebuah mercu tanda baharu yang akan membuka pintu harapan, terutama buat anak-anak muda - para pewaris desa.

Ampun Tuanku,

7. **Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor ini mula beroperasi pada 11 September 1969**, menjadi nadi penggerak ilmu dan kemahiran kepada masyarakat Orang Asli sejak sekian lama. Namun, **pada Mei 2015,** ia terpaksa ditutup bagi memberi laluan kepada proses naik taraf menyeluruh yang **menelan belanja sebanyak RM30 juta.**

8. Hari ini, pusat ini lahir semula dengan wajah yang lebih segar serta hala tuju baharu. Ia kini bersedia menawarkan pelbagai kursus TVET yang berteraskan kemahiran, untuk melahirkan belia Orang Asli yang bukan sahaja cekap dan berdaya saing, malah mampu menguasai bidang-bidang strategik yang diperlukan oleh industri masa kini.

9. Sebagai langkah permulaan, kita berbangga apabila Pusat Latihan ini telah mendapat pengiktirafan sebagai **Pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran –** dan dengan pengiktirafan ini, anak-anak muda Orang Asli bakal **memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan 3.** Insya-Allah, kohort pertama pelatih akan memulakan pengajian mereka **menjelang penghujung tahun 2025.**

10. Kini, dengan wajah baharunya, PLPB dilengkapi fasiliti yang moden dan menyeluruh - bermula daripada daripada bilik kuliah, bengkel jahitan sehinggalah blok kemahiran dan komuniti serta fasiliti sukan dan rekreasi.

11. Terbaharu, JPA telah meluluskan **20 perjawatan baru bagi PLPB tanpa tukar ganti (*trade-off*)** merangkumi pelbagai gred dan skim bagi kelancaran urusan operasi pusat ini.

12. InsyaAllah, patik penuh keyakinan bahawa PLPB akan menjadi payung ilmu dan kemahiran, tempat lahirnya generasi Orang Asli yang cemerlang, berdaya maju, serta mampu melakar lebih banyak kejayaan bukan sahaja untuk diri mereka sendiri, tetapi juga sebagai penyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara.

KOMITMEN KERAJAAN BAGI PEMBANGUNAN MASYARAKAT LUAR BANDAR

Ampun Tuanku,

13. Melalui JAKOA, pelbagai inisiatif besar telah dilaksanakan demi kesejahteraan masyarakat Orang Asli khususnya di Negeri Pahang, antaranya:

- **Menaiktaraf** Pusat Transit Kuala Lipis, Pahang;
- **Membina** jalan perhubungan desa dari Kampung Orang Asli Simoi Lama ke Pos Lenjang, Lipis;
- **Membina** jambatan baharu di Kampung Orang Asli Sungai Gabong serta kerja-kerja berkaitan di Bentong;

14. Bagi seluruh Semenanjung pula, JAKOA telah

- **Membina** 28 tabika baharu untuk anak-anak Orang Asli;
- **Mewartakan** lebih 30 kampung Orang Asli;
- **Melaksanakan** 258 projek bekalan air terawat; dan
- **Menyediakan** 812 projek infrastruktur & ameniti sosial termasuklah 236 projek menaik taraf, membaik

pulih dan menyelenggara jalan raya di kampung-kampung Orang Asli.

15. Ampun Tuanku, segala usaha ini hanyalah permulaan sebuah perjalanan panjang. Perjalanan yang menuntut kesungguhan, kesabaran, dan iltizam tanpa mengenal penat. Tujuannya hanya satu - bagi memastikan komuniti Orang Asli terus terbela, terjamin hak mereka, dan terbuka luas jalan masa depan untuk generasi yang akan datang.

UCAPAN PENUTUP

Ampun Tuanku,

16. Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, patik merafak sembah menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kurnia atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang bercemar duli pada pagi ini.

17. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku menzahirkan keprihatinan dan kecaknaan yang amat besar kepada rakyat jelata, khususnya komuniti Orang Asli.

18. Patik juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan bagi bersama-sama menjayakan majlis yang penuh bermakna ini.

Ampun Tuanku,

19. Sesungguhnya, rakyat di negeri Pahang Darul Makmur ini amat bertuah kerana sentiasa bernaung di bawah teduhan payung pemerintahan Tuanku yang berjiwa rakyat.

20. Patik sekalian berdoa ke hadrat Allah SWT semoga Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Yang Amat Mulia Paduka-Paduka Anakanda Putera dan Puteri, serta Yang Mulia Paduka-Paduka Cucunda sentiasa berada dalam limpahan rahmat dan perlindungan Ilahi - dikurniakan kesihatan yang sempurna, usia yang berpanjangan, serta keberkatan yang berterusan sepanjang zaman.

21. Pada masa yang sama, patik menyusun sepuluh jari merafak sembah memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat kekurangan atau sebarang khilaf tutur bicara dalam persembahan ucapan patik yang serba kekurangan ini.

Menjunjung Kasih Tuanku.

22. Demikianlah berakhirnya sembah ucapan patik pada pagi yang berbahagia ini.

Wa'billahiltaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, Sembah Patik Mohon Diampun.